

TONSIL PERLUKAN RAWATAN SEGERA

SBaru-baru ini anak perempuan saya berusia tiga tahun disahkan mengalami tonsil. Ia bermula apabila dia demam dan sakit pada bahagian dalam hidung sehingga tidak boleh korek atau sentuh hidungnya. Suaranya juga jadi sengau, hidung kerap berair dan berdengkur bila tidur. Doktor, adakah keadaan ini memudaratkan anak saya dalam jangka masa panjang? Adakah ia perlu dibedah?

Jangkitan tonsil atau 'tonsillitis' adalah salah satu jangkitan yang kerap berlaku di kalangan kanak-kanak. Ia berpunca daripada pelbagai jenis kuman seperti virus *Influenza*, *Parainfluenza* dan *Rhinovirus* ataupun bakteria seperti *Streptococcus pneumoniae* dan *Hemophilus influenzae*. Selalunya kuman-kuman tersebut tersebar melalui rembesan sistem pernafasan seperti air liur, hingus dan kahak menerusi ciuman, bersin dan batuk.

Antara gejala utama *tonsillitis* adalah demam tinggi, sakit tekak, batuk dan selesema. Kanak-kanak boleh juga mengalami muntah-muntah terutamanya pada fasa awal jangkitan. Apabila tonsil bengkak dan merah, selera makan juga akan berkurangan disebabkan rasa sakit. Kanak-kanak jadi kurang aktif kerana kurang makan dan minum. Bengkak pada dinding rongga hidung dan tonsils akan menyempitkan saluran pernafasan lalu kanak-kanak akan berdengkur semasa tidur. Jangkitan tonsil mudah dirawat dengan antibiotik yang sesuai. Sekiranya dirawat dengan cepat dan tepat, semua gejala akan beransur hilang dan kanak-kanak akan pulih sepenuhnya dalam jangka masa lima hingga tujuh hari.

Walau bagaimana pun, ada kalanya sebahagian kanak-kanak mendapat jangkitan tonsil yang berulang. Antara risiko komplikasi jangkitan tonsil yang berulang adalah *tonsillar hypertrophy* di mana tonsil anak kekal bengkak walaupun semasa bebas jangkitan. *Tonsillar hypertrophy* merupakan salah satu penyebab masalah *Obstructive Sleep Apnea Syndrome* (OSAS) iaitu masalah

saluran pernafasan menjadi sangat sempit atau tertutup semasa tidur. Anak-anak ini akan mengalami masalah tidur yang tidak sempurna di mana tidurnya tidak nyenyak kerana asyik terbatuk dan mencungap sehinggakan mungkin terjaga beberapa kali setiap malam.

Tidur yang tidak berkualiti menyebabkan anak tidak mendapat rehat yang secukupnya. Ini boleh menjejaskan kualiti rutin harian mereka seperti belajar dan menumpukan perhatian di tadika. Dalam jangka masa panjang masalah OSAS ini juga berisiko untuk mendatangkan komplikasi kepada fungsi jantung anak-anak. Antara rawatan yang disarankan untuk masalah *tonsillar hypertrophy* ini adalah 'tonsillectomy' iaitu pembedahan untuk membuang tonsil. Walau bagaimana pun, pesakit disarankan untuk mendapatkan konsultasi dan nasihat daripada Doktor Pakar Bedah Telinga Hidung dan Mulut (ENT) terlebih dahulu.



DR. ROSNI JAMALLUDIN

Pakar Perubatan Kanak-Kanak (Pediatrik) yang kini bertugas di KPJ Klang Specialist Hospital. Beliau memiliki kelulusan Bachelor of Medicine, Bachelor of Surgery (Cairo), M.Med Paed (UKM).

Sekiranya anda mempunyai persoalan berkaitan kesihatan anak-anak hantar ke:
Dunia Pediatrik, Majalah Pa&Ma, Kumpulan Media Karangkraf Sdn. Bhd.,
1, Jalan Renggam 15/5, Seksyen 15, 40200 Shah Alam, Selangor ATAU
duniapediatrik@gmail.com



5 KEBURUKAN GUNA PUTING KOSONG

Puting kosong banyak digunakan sebagai penenang si manja. Tapi tahukah anda, penggunaan yang berpanjangan boleh mengakibatkan pelbagai masalah kepada mereka.

- **RISIKO JANGKITAN PADA TELINGA MENINGKAT**

Kaitan menunjukkan penggunaan puting untuk jangka masa panjang dan infeksi telinga tengah. Ia menambah risiko infeksi berpindah dari mulut ke tiub *Eustachia* (saluran berisi udara yang menyambungkan telinga tengah dengan bahagian belakang tekak).

- **KAITAN DENGAN INFEKSI PERUT DAN LAIN-LAIN**

Puting kosong telah dikaitkan dengan risiko tinggi mendapat simptom seperti muntah-muntah, demam, cirit-birit dan kolik.

- **MASALAH GIGI**

Ramai doktor gigi tidak menggalakkan penggunaan puting kosong atau menghisap jari sebab kedua-duanya boleh menyebabkan beberapa masalah apabila gigi tumbuh dan terkeluar (jongang).

- **MASALAH PERTUTURAN**

Penggunaan puting kosong dalam masa yang lama tidak memberikan kebebasan bayi membebel dan berceloteh. Ini mungkin boleh menyebabkan perkembangan pertuturannya menjadi lambat.

- **MENGGANGGU PENYUSUAN BADAN**

Penggunaan puting kosong telah dikaitkan dengan masalah penyusuan susu ibu secara eksklusif dan ibu juga boleh mengalami masalah kekurangan susu semasa bayi berusia satu bulan.

RETINOPATHY OF PREMATURITY ANCAMAN BAYI LAHIR PRAMATANG

Retinopathy of Prematurity (ROP) ialah keadaan di mana bayi yang dilahirkan pramatang yang mengalami masalah kepada penglihatan atau mata. Bayi yang berusia kurang dari 32 minggu semasa dilahirkan dan berat semasa lahir kurang daripada 1500gm berisiko untuk mendapat keadaan ini. Selain itu, bayi yang memerlukan alat bantuan pernafasan untuk jangka masa panjang selepas dilahirkan, pendarahan di dalam otak (*intraventricular haemorrhage*), bayi yang terlalu muda (dilahirkan semasa 24 - 28 minggu) dan bayi yang tersangat kecil (kurang daripada 1250 gram semasa lahir) berhadapan dengan risiko ROP yang lebih tinggi.



FAHAMI DYSCALCULIA

Jika disleksia ialah kesukaran untuk memahami perkataan dan membaca, *dyscalculia* pula berkaitan dengan nombor. Ia adalah kesukaran untuk belajar atau memahami aritmetik seperti kesukaran untuk memahami bilangan, mempelajari cara memanipulasi nombor dan mempelajari fakta dalam matematik. Ia umumnya dilihat sebagai gangguan perkembangan khusus. Jika anda mendapati anak sukar untuk memahami nombor, dapatkan bantuan pakar dengan segera untuk mendapatkan rawatan terapi.

KETAHUI 8 TANDA PENYAKIT TANGAN, KUKU DAN MULUT

Penyakit tangan, kuku dan mulut (*Hand, Foot and Mouth Disease*) atau lebih dikenali sebagai HFMD adalah penyakit penularan enterovirus yang biasa menyerang kanak-kanak. Kebiasaannya penyakit ini tidak serius tetapi mengundang kebimbangan. Paling merunsingkan ialah ia boleh merebak dan menjangkiti kanak-kanak lain. Penyakit ini biasanya merebak melalui sentuhan dengan cairan badan seperti kahak, hingus, air liur, cairan kulit, najis dan sebagainya. Tanda-tanda serangan HFMD:

- Ruam pada tangan, kaki, mulut.
- Ulser dalam mulut.
- Demam
- Letih lesu
- Sakit kepala atau perut.
- Kurang selera makan.
- Cirit-birit
- Badan kekurangan air di mana bibir mereka kelihatan kering.

